

MoU teruskan kerjasama antara UMS, KYS

DE 29.11.19 2

Ottey Peter

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Kumpulan Yayasan Sabah (KYS) pada Khamis menandatangani satu Memorandum Persefahaman (MoU) untuk bekerjasama dalam penyelidikan dan latihan dalam bidang biologi tropika dan pemuliharaan di Lembah Danum, Lembangan Maliau dan Ngarai Imbak.

Dokumen ditandatangani dan ditukar antara Naib Canselor UMS Profesor Dr Taufiq Yap Yun Hin dan Pengarah KYS Datuk Jamalul Kiram Datuk Mohd Zakaria, dalam satu upacara yang diadakan di Hotelab, UMS, di sini.

Dr Taufiq berkata MoU itu adalah kesinambungan kerjasama antara kedua-dua pihak.

"Untuk rekod, UMS dan Yayasan Sabah sudah lama bekerjasama dalam bidang-bidang penyelidikan, pendidikan dan latihan melalui penganjuran ekspedisi, seminar dan kursus pendek.

"Saya berharap dengan MoU hari ini, ia akan mengukuhkan lagi kerjasama sekian lama antara UMS dan Yayasan Sabah, dan satu permulaan strategik yang akan membuka lebih banyak kerjasama untuk faedah kedua-dua pihak," katanya.

Beliau berkata MoU itu bertujuan untuk membangunkan dan mempromosikan program penyelidikan, pendidikan dan latihan di kawasan-kawasan pemuliharaan



PERTUKARAN MoU antara Dr Taufiq (kiri) dan Zakaria.

Yayasan Sabah.

"Pengurusan UMS sentiasa mengalualukan sebarang cadangan daripada Yayasan Sabah untuk menilai masa depan kerjasama ini.

"Pada masa yang sama, ia berkemungkinan untuk membangunkan dasar yang dibentuk oleh persefahaman ini untuk manfaat bersama, sama ada hulu atau hiliran," katanya.

Sementara itu, Jamalul berkata kerjasama dengan UMS itu akan mengukuhkan dan meluaskan lagi projek penyelidikan mereka berkaitan biodiversiti hutan-hutan tropika di sekitar kawasan konsesi Yayasan

Sabah khususnya di Lembah Danum, Lembangan Maliau dan Ngarai Imbak.

Beliau berkata, melalui aktiviti-aktiviti penyelidikan, ia juga akan memberi pekerjaan kepada golongan muda di sekitar kawasan-kawasan itu.

"Persefahaman ini juga dapat membantu UMS memaksimumkan kemahiran serta kapasiti sedia adanya dalam menjalankan penyelidikan dalam bidang pengurusan hutan dan penerokaan biodiversiti seperti flora, fauna, fungi dan sebagainya.

"Sehubungan itu, Kumpulan Yayasan Sabah komited kepada kejayaan inisiatif penyelidikan dengan menyediakan penyelidikan terlatih, dan infrastruktur seperti penginapan dan peralatan makmal," katanya.

"Aktiviti penyelidikan pastinya akan membuka lebih banyak peluang pekerjaan bagi orang muda di sekitar kawasan termasuk sebagai porter, renjer hutan dan penolong penyelidik," katanya.

Beliau berkata Kumpulan Yayasan Sabah telah menetapkan yuran minimum untuk pelajar dan penyelidik yang mempunyai permit untuk menjalankan penyelidikan di Kawasan Pemuliharaan Lembah Danum, Lembangan Maliau dan Ngarai Imbak.

Beliau juga berharap MoU itu akan menjana lebih banyak penyelidikan yang akan memberi impak kepada pembangunan sektor sumber asli di Sabah.